

# Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL terima sumbangan RM7,500

NST 10.11.2014 6

LABUAN : Majlis Penghargaan Graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menerima sumbangan bernilai RM RM7,500 daripada Yayasan Wilayah Persekutuan.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli yang mewakili Pengerusi YWP, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga Menteri Wilayah Persekutuan yang didakaan di Tingkat 10, Menara Perbadanan Labuan, dekat sini kelmarin.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP menyerahkan sumbangan tersebut kepada Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan, Tingkat 10, Menara Perbadanan Labuan, kelmarin.

Sumbangan tersebut adalah bertujuan untuk menjayakan program Majlis Penghargaan Graduan (MPG) 2014 Universiti

Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Kota Kinabalu pada 22 November ini

Turut hadir Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Ryan Andrias Macdonell yang mewakili Dekan FKI, Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Ketua Program E-Dagang FKI, Soffri Yussof.

Hadir sama Pegawai Khas Menteri Wilayah Persekutuan, Rosli Omar dan Pegawai Khas Ahli Parlimen Labuan, Redzuan Ibrahim.

Sebanyak 24 anugerah akan disampaikan kepada graduan FKI dan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) pada Majlis Penghargaan Graduan 2014 anjuran Fakulti Komputeran dan Informatik. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)**



SERAH .... Rozman (tiga kiri) menyerahkan sumbangan Yayasan Wilayah Persekutuan kepada Dr Murnizam di Pejabat Pengerusi Perbadanan Labuan, Tingkat 10, Menara Perbadanan Labuan, kelmarin.